

## PELAKSANAAN MODUL *SOFT SKILLS* DI POLITEKNIK KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Mohamad Zaid Mustafa, Nordiana Mohd Nor, Kahiroh Mohd Salleh, Ahmad Rizal bin Madar, Badaruddin Ibrahim, Norlisa Sulaiman & Abdul Rashid Razzaq

**Abstrak :** *Permintaan ke atas graduan yang mempunyai kemahiran soft skills lebih diutamakan bagi memenuhi keperluan sumber tenaga manusia. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meninjau pelaksanaan Modul Soft Skills di politeknik. Kajian berbentuk deskriptif dijalankan untuk melihat kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul Soft Skills bagi dua elemen utama iaitu membina personaliti individu yang positif dan kemahiran berkomunikasi. Selain itu juga, kajian ini adalah untuk melihat perbezaan kefahaman pelajar tentang kepentingan Modul Soft Skills bagi kedua-dua elemen antara jantina pelajar dan semester pelajar. Persampelan rawak mudah digunakan dalam menentukan lokasi kajian iaitu politeknik dan sampel yang hendak dikaji. Lokasi kajian yang dipilih ialah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 333 orang pelajar diploma kejuruteraan bagi semester 3 dan semester 5. Instrumen kajian yang digunakan adalah satu set soal selidik yang mengandungi 2 bahagian iaitu: a) maklumat diri, dan; b) elemen Modul Soft Skills. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif yang digunakan ialah min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan; sementara statistik inferensi yang menggunakan ujian-t. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kefahaman pelajar terhadap Modul Soft Skills bagi kedua-dua elemen adalah tinggi. Manakala, keputusan ujian inferensi menunjukkan bahawa tiada perbezaan kefahaman terhadap kepentingan Modul Soft Skills di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Selain itu, ujian inferensi ke dua juga menunjukkan tiada perbezaan kefahaman terhadap kepentingan Modul Soft Skills di antara pelajar semester 3 dengan pelajar semester 5. Justeru, pelaksanaan Modul Soft Skills di politeknik dapat mempertingkatkan soft skills pelajar dan sekaligus dapat membantu pelajar untuk lebih bersedia untuk memasuki alam pekerjaan.*

*Kata kunci : Kemahiran Berkomunikasi dan membina personaliti individu yang positif*

### Pengenalan

Malaysia masih dalam perjalanan menuju ke arah pembentukan sebuah negara maju. Pelbagai cabaran dan rintangan harus ditempuhi, antaranya adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang makmur, ekonomi yang kukuh dan progresif serta dapat penggunaan teknologi yang semakin canggih. Satu unsur penting dalam menangani cabaran tersebut adalah pengaktifan keperluan sumber manusia dengan cara meningkatkan kebolehan dan kemahiran melalui pendidikan dan latihan yang komprehensif (Mohd Safarin dan Mohd Zolkifli, 2005).

Sehubungan itu, sumber tenaga kerja hendaklah dibentuk supaya dapat memenuhi kehendak majikan agar mempunyai sikap yang positif seperti berdisiplin, dedikasi, mahir berkomunikasi, mahir berteknologi, berkeupayaan membuat keputusan dan yang bersifat serba boleh. Berdasarkan keperluan ini, pendidikan kemahiran-kemahiran tertentu dalam membentuk pelajar yang berketerampilan dan berkebolehan adalah penting di samping kemahiran akademik yang dikuasai. Kemahiran yang di maksudkan ini adalah kemahiran insaniah (*softskills*) yang merujuk kepada gabungan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu diaplikasikan oleh pelajar dalam kehidupan seharian. Kemahiran ini adalah penting dalam memenuhi sumber manusia yang berkompeteren dalam keperluan global (Nurul Afizah, 2005).

Dengan itu, bagi mendapatkan tempat dalam pasaran kerja yang semakin banyak saingannya, para graduan perlu lebih proaktif dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran insaniah (*soft skills*). Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr Hassan Said (Berita Harian, 12 Februari 2007), jika kemahiran yang diperlukan pasaran ada pada graduan, mereka pastinya tidak menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan. Menurut beliau lagi, graduan perlu sedar kemampuan dan kelebihan dimiliki dan pada masa yang sama, graduan juga perlu tahu apa yang diperlukan oleh bakal majikan.

Salah satu aspek yang dapat membantu meningkatkan mutu graduan adalah melalui pendidikan iaitu dengan memantapkan sistem pengajaran dan pembelajaran selari dengan kaedah pelaksanaan revolusi pendidikan seperti mana yang di sarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Sri Abdullah Ahmad Badawi. Ini sekali gus membawa maksud bahawa, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) harus berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penjana sumber manusia atau modal insan yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga memiliki semua ciri insan kamil (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Softskills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2006).

Secara amnya, kemahiran insaniah (*soft skills*) dapat didefinisikan dengan pelbagai cara dan ianya tidak mempunyai definisi yang khusus dan tepat. Ini dapat dibuktikan melalui terminologi kemahiran insaniah (*soft skills*) yang digunakan di setiap negara adalah berbeza walaupun matlamat dan ciri-ciri yang dipraktikkan adalah hampir sama. Antaranya di Australia istilah yang digunakan adalah '*key competencies*', '*soft skills*', atau '*employableskills*'. New Zealand pula telah menggunakan istilah '*essential skills*' manakala di Amerika Syarikat istilah '*necessary skills*', '*employability skills*', atau '*workplace know-how*' telah digunakan. Bagi di United Kingdom istilah '*key skills*' atau '*core skills*' di gunakan (Clayton, *et al.* 2003). *National Centre of Vocational Education Research (NCVER)* (2003) menyatakan bahawa kemahiran insaniah adalah penting kerana memerlukan pekerja hari ini lebih menjurus kepada kefleksibelan, inisiatif dan keupayaan dalam menangani pelbagai tugas yang diberi.

Kemahiran Insaniah atau *Softskills* adalah sangat penting dan diperlukan dalam pekerjaan. Dengan penguasaan kemahiran insaniah menjadikan seseorang dapat menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perubahan dan perkembangan dalam sektor pekerjaan malahan dalam menghadapi kehidupan seharian. Kemahiran insaniah (*soft skills*) turut menyediakan seseorang yang berperanan sebagai warga negara dan pekerja dalam mengharungi perubahan teknologi yang pesat dan berterusan (Sharifah Noor Anita, 2002).

Menurut satu kajian yang dijalankan di Australia, kemahiran insaniah (*soft skills*) dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu kemahiran asas dan kemahiran *interpersonal* (perhubungan). Kemahiran asas ini terdiri daripada kemahiran membaca dan menulis, kemahiran mengira, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran teknologi maklumat dan kemahiran sistem berfikir. Manakala kemahiran interpersonal pula terdiri daripada kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran menguruskan masa, keutamaan pelanggan, kemahiran berfikir dan kreativiti serta kemahiran refleksi (University College Dublin, 2001).

Di samping itu, Reigeluth (1999) menyatakan bahawa kemahiran insaniah (*soft skills*) adalah kemahiran yang boleh diguna pakai merentasi pelbagai subjek domain. Ini bermakna, dengan menguasai kemahiran insaniah (*soft skills*) seseorang individu akan dapat mengadaptasikan diri dengan sebarang perubahan yang berlaku. Pekerja yang menguasai kemahiran insaniah (*soft skills*) bersifat fleksibel, dinamik dan berketerampilan dalam

menjalankan tugas. Kemahiran insaniah (*soft skills*) juga dikenali sebagai *employable skills* iaitu kemahiran dalam kebolehan melakukan kerja dengan lebih praktikal dan realistik.

Sehubungan dengan itu satu Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Softskills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah diperkenalkan. Pendekatan modul ini berfokuskan kepada gabungan pelbagai program atau aktiviti utama iaitu aktiviti normal pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan semua elemen kurikulum dan kokurikulum, program sokongan yang berfokuskan akademik dan bukan akademik serta kehidupan mahasiswa di kampus iaitu sama ada di kolej kediaman dan persekitaran kampus. Pelaksanaan modul ini juga melibatkan tujuh elemen kemahiran insaniah yang telah dikaji dan mendapat pandangan pakar (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Softskills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2006). Terdapat tujuh elemen kemahiran insaniah yang dipilih untuk dilaksanakan di IPT adalah seperti berikut: i). Kemahiran berkomunikasi, ii). Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. iii). Kemahiran kerja berpasukan, iv). Pembelajaran Berterusan dan pengurusan maklumat. v). Kemahiran keusahawanan. vi). Etika dan moral profesional dan vii). Kemahiran kepimpinan (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Softskills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2006).

Politeknik merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang melahirkan tenaga kerja separa mahir dalam memenuhi keperluan industri. Justeru itu Politeknik juga perlu memastikan produk yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal dan pengetahuan terhadap bidang akademik, malah perlu menguasai kemahiran insaniah (*softskills*) yang sejajar dengan tuntutan pasaran kerja kini dan kelak (Nurul Afizah, 2006). Oleh itu, dengan penerapan kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam diri setiap pelajar hendaklah dikembangkan bagi mengukuhkan lagi kualiti dan mutu graduan lulusan politeknik ketika memenuhi keperluan sumber tenaga kerja.

### **Latar Belakang Masalah**

Dalam era globalisasi ini, peningkatan dalam permintaan sumber tenaga manusia yang semakin tinggi telah mendesak majikan untuk memilih pekerja yang bertanggungjawab, pekerja yang dapat menangani tugas mencabar, pekerja yang boleh menyesuaikan diri dengan keadaan dan pekerja yang sensitif kepada keadaan sekeliling. Dengan itu, pekerja-pekerja dalam era globalisasi perlu mempelajari nilai-nilai baru termasuklah tentang etika kerja, kepimpinan, kompetensi dalam teknologi maklumat, hubungan interpersonal dan analitikal (Mohd Safarin dan Mohd Zolkifli, 2005).

Justeru itu, pendidikan yang merangkumi penguasaan kemahiran insaniah (*soft skills*) yang tinggi adalah amat penting selain penguasaan bidang ilmu pengetahuan. Tambahan pula, Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia perlu mengorak langkah menuju ke arah pemantapan dan pemeraksanaan pembangunan modul insan secara bersepadu dan menyeluruh dengan mengambil kira kemakmuran negara dan kehendak pasaran kerja. Pembangunan modal insan merupakan satu perkara yang telah di gariskan sebagai satu agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) seperti yang telah di nyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Sri Abdullah Ahmad Badawi (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

Di samping itu, menurut Dato' Sri Dr. Haji Shafiee Bin Afdal (2006), keluhan majikan mengenai graduan tempatan yang kekurangan kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti keyakinan, kreativiti dan kerja berpasukan sudah diketahui umum. Menurut beliau lagi, setelah melakukan beberapa tinjauan melalui kolaborasi dengan industri, termasuk pasaran, perindustrian dan

tinjauan majikan, keputusan yang menyaring kepada lapan perkara yang mesti ada dalam hasil pembelajaran untuk graduan adalah seperti berikut:

- i. Graduan mestilah mempunyai pengetahuan yang secukupnya dalam bidang mereka,
- ii. Graduan mestilah mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi, dengan nilai positif yang tinggi, sikap dan beretika,
- iii. Graduan mempunyai akauntabiliti sosial,
- iv. Graduan mempunyai kemahiran teknikal dalam bidang yang diceburi termasuk ICT,
- v. Mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi,
- vi. Mempunyai pengetahuan dalam kemahiran pengurusan dan komitmen dalam pembelajaran sepanjang hayat,
- vii. Kemahiran berfikir secara kritis dan
- viii. Kemahiran kepimpinan dan keusahawanan.

Penggubalan dan pelaksanaan modul kemahiran insaniah (*soft skills*) oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk Institusi Pengajian Tinggi adalah sangat tepat pada waktunya. Matlamat Kementerian Pengajian Tinggi ialah melaksanakan program pelengkap yang akan menyumbang kepada pemantapan penguasaan komponen kemahiran insaniah (*softskills*) terbabit dalam kalangan bakal graduan di mana- mana institusi pengajian tinggi awam. Modul yang digubal boleh dijadikan panduan dan rujukan yang penting dan berguna dalam usaha meningkatkan kualiti graduan yang seimbang dan berketrampilan.

Selaras dengan kepentingan kemahiran insaniah (*soft skills*) maka Kementerian Pengajian Tinggi telah mencadangkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) bagi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Tujuan modul ini adalah untuk menangani isu kualiti graduan IPT yang secara langsung berkait rapat dengan isu pengangguran di kalangan siswazah tempatan. Penerbitan modul ini dijangka bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran insaniah (*soft skills*) pelajar tetapi juga mengembalikan keyakinan pihak majikan dan pasaran kualiti graduan IPT tempatan (Prof. Ir. Dr Radin Umar B Radin Sohadi, 2006).

Sehubungan dengan itu, salah satu Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPT) iaitu Politeknik juga telah menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi dalam memperkenalkan kemahiran insaniah dengan mengambil inisiatif melancarkan Modul *Soft Skills* Latihan Industri Politeknik pada 22 September 2006 dan modul *soft skills* ini telah pun bermula pengajarannya pada sesi Disember 2006 (Utusan Malaysia, 23 September 2006).

Sebagai tambahan, Kementerian Pengajian Tinggi khasnya Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti dalam usaha untuk mencapai objektif dan keperluan akademik sesuatu program latihan. Dengan itu, kemungkinan beberapa kemahiran yang *fundamental* dalam *survival* dan kejayaan alam pekerjaan kurang diberi perhatian atau terabai. Namun hal ini bukan disengajakan kerana penekanan yang terlalu diberi kepada kecemerlangan teknikal sehingga menyebabkan aspek-aspek generik yang semakin mendesak dan diperlukan di tempat kerja terabai. Tambahan pula, proses pemilihan pekerja lebih ditekankan ke atas pekar-pekar asas iaitu *soft skills* yang acap kali dituntut oleh majikan dari lulusan (Modul *Softskills* Latihan Industri Politeknik, 2006).

Modul *Soft Skills* adalah sebahagian daripada Program Latihan Industri yang menjadi satu komponen utama dalam sistem pembelajaran di politeknik. Pelajar yang mengikuti kursus peringkat sijil akan mengikuti Modul *Soft Skills* latihan industri pada semester dua manakala

pelajar diploma pada semester tiga. Program latihan industri merupakan syarat wajib sebelum pelajar boleh di anugerahkan Sijil atau Diploma Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Modul *Soft Skills* Latihan Industri Politeknik, 2007). Menurut Modul *Soft Skills* Latihan Industri Politeknik (2007) objektif bagi modul ini adalah seperti berikut:

- i. Memahami dan menghayati lima kompetensi modul latihan industri,
- ii. Memberi persediaan awal kepada pelajar sebelum menjalani latihan industri,
- iii. Meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat latihan industri,
- iv. Meningkatkan keberkesanan latihan industri.

Pelaksanaan modul *soft skills* di politeknik adalah penting dalam memberi bimbingan dan persediaan kepada para pelajar supaya menjadi individu yang berwibawa dan kompeten selaras dengan kehendak pasaran kerja. Dengan adanya moduls *soft skills*, ini akan menjadi landasan dan pemangkin kepada para pelajar untuk lebih berkeyakinan dalam pelbagai bidang yang diceburi pada masa hadapan. Justeru, pelaksanaan modul ini menekankan kepentingan keperluan kemahiran insaniah ataupun *soft skills* yang dilihat sebagai penyumbang yang kritikal dalam menjana modal insan yang menyeluruh di samping mampu membawa persaingan di peringkat global (Modul *Softskills* Latihan Industri Politeknik, 2006).

### **Persoalan Kajian**

- i. Bagaimanakah kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam membina personaliti yang positif?
- ii. Bagaimanakah kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam kemahiran berkomunikasi?
- iii. Apakah perbezaan kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan?
- iv. Apakah perbezaan kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* antara pelajar semester 3 dengan pelajar semester 5?

### **Skop Kajian**

Kajian ini pada keseluruhan difokuskan pada kefahaman pelajar terhadap pelaksanaan Modul *Soft Skills* Latihan Industri Politeknik dengan melibatkan hanya dua elemen daripada lima elemen yang telah terdapat di dalam Modul *Soft Skills* Latihan Industri Politeknik. Dua elemen yang dikaji adalah kemahiran membina personaliti yang positif dan kemahiran berkomunikasi.

### **Metodologi Kajian**

Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar diploma kejuruteraan semester 3 dan semester 5 di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pemilihan pelajar semester 3 kerana mereka sedang mengikuti Modul *Soft Skills*, manakala pelajar semester 5 telah mengikuti Modul *Soft Skills* dan telah menjalani latihan industri. Kajian ini melibatkan sampel dari tiga buah politeknik iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah bagi mewakili keseluruhan pelajar yang mengikuti diploma kejuruteraan di Politeknik. Kajian ini menggunakan borang soal selidik di dalam proses pengumpulan data. Populasi kajian ialah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam seramai 730 orang, di Politeknik Sultan Azlan Shah, 734 orang dan di

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah seramai 732. Jumlah populasi adalah seramai 2196 orang dan saiz sampel kajian ditentukan berdasarkan Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) adalah seramai 327 orang. Kajian ini menggunakan soal selidik berstruktur dibahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A (Maklumat demografi responden) dan Bahagian B (Mengandungi item bagi dua elemen Modul *Soft Skills* yang utama iaitu membina personaliti yang positif dan kemahiran berkomunikasi. Item-item ini digunakan untuk mengukur kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills*).

Seramai 10 orang responden terdiri daripada pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel sebenar telah dipilih secara rawak bagi tujuan kajian rintis. Hasil kajian rintis yang dijalankan, nilai alpha yang diperolehi bagi keseluruhan bahagian dalam soal selidik nilai *alpha* adalah 0.871 ( $\alpha < 0.65$ ) yang mana menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item dalam borang soal selidik adalah baik. Seterusnya pengkaji menjalankan ujian kebolehpercayaan terhadap setiap elemen dalam borang soal selidik. Hasilnya pengkaji memperoleh *alpha* yang bernilai 0.728 ( $\alpha < 0.65$ ) untuk elemen membina personaliti individu yang positif dan *alpha* bernilai 0.844 ( $\alpha < 0.65$ ) bagi elemen kemahiran berkomunikasi.

**Jadual 1: Kaedah penganalisan data**

<b>PERSOALAN KAJIAN</b>	<b>KUANTITATIF</b>
Bagaimanakah kefahaman pelajar diploma kejuruteraan Politeknik terhadap kepentingan modul <i>softskills</i> dalam membina personaliti yang positif?	Analisis statistik deskriptif (min, sisihan piawai dan peratusan).
Bagaimanakah kefahaman pelajar diploma kejuruteraan politeknik terhadap kepentingan modul <i>softskills</i> dalam kemahiran berkomunikasi?	Analisis statistik deskriptif (min, sisihan piawai dan peratusan).
Apakah perbezaan kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul <i>Soft Skills</i> antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan?	Analisis statistik inferensi ( Ujian-T Tidak Bersandar)
Apakah perbezaan kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul <i>Soft Skills</i> antara pelajar semester 3 dengan pelajar semester 5?	Analisis statistik inferensi ( Ujian-T Tidak Bersandar)

### **Analisis Data**

Jumlah pelajar semester 3 dan semester 5 diketiga-tiga politeknik yang dikaji adalah seramai 2196 orang. Namun berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan saiz sampel yang diperlukan dalam kajian ini adalah seramai 327 orang sahaja. Namun pengkaji berjaya mengumpulkan sebanyak 333 borang soal selidik bagi tujuan kajian ini dan jumlah tersebut melebihi jumlah yang disasarkan.

Ujian kebolehpercayaan terhadap responden sebenar seramai 333 orang telah dijalankan dan setelah analisis dilakukan, pengkaji mendapati hasil daripada ujian tersebut menunjukkan nilai *alpha cronbach* ( $\alpha$ ) bagi keseluruhan bahagian dalam borang soal selidik adalah 0.976 ( $\alpha >$

0.65). Pengkaji juga telah menjalankan ujian kebolehpercayaan terhadap setiap elemen dalam borang soal selidik tersebut. Hasil pengkaji memperoleh *alpha* adalah 0.953 ( $\alpha > 0.65$ ) untuk elemen pertama iaitu membina personaliti individu yang positif. Manakala bagi elemen kedua iaitu kemahiran berkomunikasi menunjukkan nilai *alpha* adalah 0.960 ( $\alpha > 0.65$ ).

### Analisis Maklumat Demografi

Taburan responden mengikut jantina pelajar lelaki iaitu 200 (60.1%) orang berbanding pelajar perempuan 133 (39.9%) orang. Seramai 189 (56.8%) pelajar terdiri dari semester 5 dan selebihnya adalah 144 (43.2%) pelajar. Seramai 300 (90.1%) mewakili bangsa melayu, bangsa cina dan india masing-masing terdiri daripada 10 (3.0%) dan 22 (6.6%) orang. Hanya 1(0.3%) orang responden terdiri daripada lain-lain bangsa. Seramai 113 (33.9%) orang responden dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, manakala Politeknik Sultan Azlan Shah dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah masing-masing mempunyai bilangan responden yang sama iaitu seramai 110 (33.0%) orang.

### Persoalan Kajian Pertama

#### Bagaimanakah kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam membina personaliti individu yang positif ?

Dalam bahagian ini sebanyak 24 soalan item iaitu item yang terkandung di dalam elemen pertama iaitu membina personaliti individu yang positif. Item-item yang terkandung di dalam elemen pertama telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai frekuensi, min, peratusan dan sisihan piawai. Hasil daripada responden mengenai kefahaman pelajar tentang kepentingan Modul *Soft Skills* dalam membina personaliti individu yang positif. Jadual 2 menunjukkan perwakilan soalan bagi setiap item.

**Jadual 2 Item dan analisis kekerapan, min, peratusan dan min keseluruhan bagi item membina personaliti individu yang positif**

Bil.	Item	No Item	Skor Min	Tafsiran Tahap
1	Menyelesaikan masalah pembelajaran.	Item 1	4.04	Tinggi
2	Mengurus masa dengan bijak.	Item 2	4.23	Tinggi
3	Menjaga imej organisasi dengan baik.	Item 3	4.23	Tinggi
4	Menjalankan tugas dengan komited.	Item 4	4.23	Tinggi
5	Berfikiran terbuka.	Item 5	4.29	Tinggi
6	Menjadi ketua terhadap sesuatu tugas dengan baik.	Item 6	4.01	Tinggi
7	Menyesuaikan diri dengan semua keadaan.	Item 7	4.11	Tinggi
8	Menerima idea baru secara terbuka.	Item 8	4.17	Tinggi
9	Menerima peluang baru secara terbuka.	Item 9	4.07	Tinggi
10	Membuat penilaian yang terperinci.	Item 10	4.02	Tinggi
11	Membuat keputusan dengan matang.	Item 11	4.19	Tinggi
12	Mengemukakan idea dengan alasan yang kukuh.	Item 12	4.13	Tinggi
13	Mempamerkan imej dan rupa diri yang bersesuaian.	Item 13	4.23	Tinggi

14	Menjalankan tugas dengan pengawasan yang minima.	Item 14	3.81	Tinggi
15	Memahami peranan antara ketua kumpulan dengan ahli kumpulan.	Item 15	4.10	Tinggi
16	Meningkatkan kemahiran berfikir dalam memberi penjelasan.	Item 16	4.15	Tinggi
17	Meningkatkan kemahiran berfikir dalam menganalisis.	Item 17	4.14	Tinggi
18	Meningkatkan kemahiran berfikir dalam menilai perbincangan.	Item 18	4.11	Tinggi
19	Dapat memikul tanggungjawab dalam soal moral.	Item 19	4.05	Tinggi
20	Dapat memikul tanggungjawab dalam soal sosial.	Item 20	4.07	Tinggi
21	Dapat memikul tanggungjawab dalam amalan harian.	Item 21	4.11	Tinggi
22	Mengenali sikap serta kelakuan orang lain.	Item 22	4.00	Tinggi
23	Menghormati kepercayaan orang lain.	Item 23	4.15	Tinggi
24	Berinteraksi dengan kakitangan sesuatu organisasi.	Item 24	4.14	Tinggi
	<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.94</b>	

Secara keseluruhannya, min yang dicatatkan bagi item pada bahagian ini adalah 3.94. Ini menunjukkan responden yang mengikuti Modul *Soft Skills* di politeknik bagi membina personaliti individu yang positif adalah tinggi. Ini adalah kerana min ditunjukkan berada dalam julat 3.81 hingga 4.29 yang mana adalah tinggi seperti yang ditafsirkan dalam penafsiran dan kecenderungan min.

Berdasarkan Jadual 2 nalisis skor min tertinggi diperoleh daripada item soalan kelima (Soalan 5) iaitu sebanyak 4.29. Jika dilihat secara terperinci terdapat 2 (0.6%) orang responden mengatakan sangat tidak setuju, 5 (1.5%) orang responden pula tidak setuju dan 24 (7.2%) orang responden adalah tidak pasti. Responden yang mengatakan setuju adalah seramai 167 (50.2%) dan 135 (40.5%) orang responden sangat setuju dengan item soalan kelima ini. Daripada hasil analisis ini dapat ditafsirkan bahawa min bagi item soalan ini berada pada tahap kecenderungan yang tinggi.

Manakala skor min yang terendah diperoleh daripada item soalan keempat belas (Soalan 14). Hasil analisis mendapati bahawa item soalan ini mempunyai skor min 3.81. Analisis dilakukan secara terperinci ke atas soalan maka dapat dilihat bahawa bagi item soalan keempat belas (Soalan 14) terdapat 7 (2.1%) orang responden mengatakan sangat tidak setuju, 16 (4.8%) orang responden mengatakan tidak setuju dan responden yang mengatakan tidak pasti adalah seramai 72 (21.6%) orang. Selebihnya 176 (52.9%) orang responden mengatakan sangat setuju dan 62 (18.6%) orang responden. Daripada analisis ini dapat ditafsirkan bahawa min bagi item ini masih lagi berada pada tahap kecenderungan yang tinggi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan responden sangat faham terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* berdasarkan pelaksanaan modul *soft skills* di politeknik dalam membina personaliti individu yang positif. Ini dapat dilihat daripada keputusan analisis data yang mendapati bahawa tahap kecenderungan min untuk kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam membina personaliti individu yang positif adalah tinggi. Justeru itu,



objektif pertama kajian ini iaitu mengukur kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam membina personaliti individu yang positif telah dicapai dengan min keseluruhan yang tinggi.

Dapatan kajian ini dapat di sokong dengan kajian yang telah dilakukan oleh Yahya (2004) yang menyatakan bahawa kemahiran *soft skills* yang diperlukan oleh majikan adalah kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir secara kritikal, kemahiran berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran bersikap positif. Kesemua kemahiran tersebut adalah merupakan aspek-aspek penting yang terkandung di dalam elemen membina personaliti individu yang positif yang dikaji.

Selain itu, *The Conference Board Of Canada* (1996), juga dapat memberi sokongan terhadap dapatan kajian bahawa satu kajian telah di adakan dan hasil kajian tersebut telah menyenaraikan kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan yang terdiri daripada kebolehan belajar sendiri, kemahiran bekerja di dalam kumpulan, kebolehan mengadaptasi bagi keadaan yang berubah-ubah dan kemahiran berfikir iaitu menyelesaikan masalah secara kritikal serta berfikir secara analitik. Kemahiran-kemahiran ini juga merupakan kemahiran yang ditekankan di dalam membina personaliti individu yang positif. Dengan itu, pengkaji berpendapat hasil dapatan yang tinggi ini menunjukkan bahawa pelajar diploma kejuruteraan di politeknik telah bersetuju dengan menyedari hakikat tentang keperluan majikan atau keperluan sumber tenaga hari ini lebih menekankan ke atas kemahiran *soft skills* selain daripada kemahiran akademik yang cemerlang.

Bahagian ini terdiri daripada 24 item berkenaan dengan aspek-aspek yang terkandung di dalam elemen membina personaliti individu yang positif. Keseluruhan item adalah berada pada tahap kecenderungan yang tinggi. Antara 24 item yang di analisis, item kelima iaitu aspek kebolehan pelajar untuk berfikiran terbuka mencatatkan skor min tertinggi berbanding item yang lain. Manakala item ke empat belas iaitu aspek kebolehan pelajar untuk bekerja di bawah pengurusan yang minimum mencatatkan skor min yang terendah.

Dapatan kajian yang diperoleh telah diramal oleh pengkaji iaitu kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam membina personaliti inividu yang positif adalah tinggi. Kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian lepas, yang mana Nurul Afizah (2004) dalam kajiannya mendapati bahawa penguasaan *soft skills* pelajar diploma kejuruteraan di politeknik adalah pada tahap sederhana. Nurul Azyra (2005) dalam kajiannya juga telah mendapati bahawa penguasaan *soft skills* pelajar diploma kejuruteraan mekanikal di politeknik adalah rendah. Maka dengan itu, pengkaji mengandaikan bahawa dapatan kajian yang diperolehi adalah kerana kewujudan Modul *Soft Skills* di politeknik telah meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap kemahiran *soft skills*. Merujuk bab 1, pengkaji telah menyatakan Modul *Softskills* Latihan Industri politeknik telah dilancarkan pada tahun 2007, sedangkan kajian lepas telah di lakukan sebelum tahun pelancaran Modul *Soft Skills*.

Rumusan pelaksanaan Modul *Soft Skill* di politeknik dapat memberi kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* terutamanya dalam membina personaliti individu yang positif. Pelaksanaan modul ini sekali gus dapat membantu pelajar dalam meningkatkan kualiti kemahiran selain kemahiran akademik pelajar dalam menghadapi alam pekerjaan.

## Persoalan Kajian Kedua

### *Bagaimanakah kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul Soft Skills dalam kemahiran berkomunikasi?*

Dalam bahagian ini sebanyak 24 item soalan yang terkandung di dalam Bahagian B elemen kedua. Item 1 hingga item 24 telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai frekuensi, min, peratusan dan sisihan piawai. Hasil daripada maklum balas responden mengenai kefahaman pelajar tentang kepentingan Modul *Soft Skills* Dalam kemahiran berkomunikasi dapat dilihat dalam Jadual 2, Jadual 3 juga menunjukkan perwakilan soalan bagi setiap item.

**Jadual 3: Item dan analisis kekerapan, min, peratusan dan min keseluruhan bagi item kemahiran berkomunikasi.**

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>No Item</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tafsiran Tahap</b>
1	Berkomunikasi secara lisan dengan baik.	Item 25	4.26	Tinggi
2	Berkomunikasi secara tulisan dengan baik.	Item 26	4.18	Tinggi
3	Berkomunikasi dengan jelas.	Item 27	4.26	Tinggi
4	Berkomunikasi dengan tepat.	Item 28	4.17	Tinggi
5	Bertutur dalam bahasa Melayu dengan lancar.	Item 29	4.30	Tinggi
6	Menjadi yakin ketika untuk bertutur dalam bahasa Inggeris.	Item 30	4.02	Tinggi
7	Menggunakan kemahiran bukan lisan.	Item 31	3.98	Tinggi
8	Aktif dalam perbincangan.	Item 32	4.10	Tinggi
9	Menggunakan teknologi dalam pembentangan.	Item 33	4.09	Tinggi
10	Berunding dengan mencapai persetujuan.	Item 34	4.15	Tinggi
11	Berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang berlainan budaya.	Item 35	4.18	Tinggi
12	Mengembangkan kemahiran komunikasi perseorangan.	Item 36	4.12	Tinggi
13	Mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif.	Item 37	4.17	Tinggi
14	Memberi maklumat dengan lengkap.	Item 38	4.12	Tinggi
15	Memberi maklumat yang boleh dipercayai serta tepat.	Item 39	4.14	Tinggi
16	Membincangkan isu diikuti dengan menyelesaikan masalah isu tersebut secara berkumpulan	Item 40	4.17	Tinggi
17	Menggunakan kemahiran "body language"	Item 41	4.08	Tinggi
<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>No Item</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tafsiran Tahap</b>
18	Merekod penyelesaian bagi tujuan laporan.	Item 42	4.14	Tinggi
19	Merekod penyelesaian bagi pelaksanaan.	Item 43	4.11	Tinggi
20	Mewujudkan hubungan baik antara satu sama lain.	Item 44	4.33	Tinggi
21	Menyampaikan idea dengan penuh keyakinan secara bertulis.	Item 45	4.23	Tinggi
22	Menyampaikan idea dengan penuh keyakinan secara lisan.	Item 46	4.13	Tinggi
23	Sentiasa menggunakan bahasa yang mudah difahami	Item 47	4.26	Tinggi
24	Membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan.	Item 48	4.23	Tinggi

Secara keseluruhannya, min yang dicatatkan bagi item pada bahagian ini adalah 4.16. Ini menunjukkan responden yang telah yang mengikuti Modul *Soft Skills* di politeknik bagi membina personaliti individu yang positif adalah tinggi. Ini adalah kerana min yang ditunjukkan berada dalam julat 3.98 hingga 4.33 yang mana adalah tinggi seperti yang ditafsirkan dalam penafsiran. Berdasarkan Jadual 3, analisis menunjukkan skor min tertinggi diperoleh daripada item soalan kedua puluh (Soalan 20) iaitu sebanyak 4.33. Jika dilihat secara terperinci terdapat 2 (0.6%) orang responden mengatakan sangat tidak setuju dengan item soalan tersebut, 3 (0.9%) orang responden tidak setuju dan 18 (5.4%) orang responden adalah tidak pasti dengan item kedua puluh tersebut. Sementara itu, 1771 (51.4%) orang responden telah mengatakan setuju dan 139 (41.7%) orang responden juga sangat setuju dengan item soalan kedua puluh itu. Daripada analisis ini dapat ditafsirkan bahawa min bagi item soalan ini berada pada tahap kecenderungan yang tinggi.

Manakala skor min yang terendah diperoleh daripada item persoalan yang ketujuh (Soalan 7) dan hasil analisis mendapati bahawa bacaan min skor adalah 3.98. Analisis dilakukan secara terperinci ke atas soalan maka dapat dilihat bahawa bagi item soalan ketujuh ini terdapat 3 (0.9%) orang responden mengatakan sangat tidak setuju, 11 (3.3%) orang responden mengatakan tidak setuju dan responden yang mengatakan tidak pasti adalah seramai 65 (19.5%) orang. Selebihnya 165 (49.5%) orang responden mengatakan sangat setuju dan 89 (26.7%) orang responden. Daripada analisis ini dapat ditafsirkan bahawa min bagi item ini masih lagi berada pada tahap kecenderungan yang tinggi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan responden sangat faham kepentingan Modul *Soft Skills* terhadap pelaksanaan modul *soft skills* di politeknik dalam kemahiran berkomunikasi. Ini dapat dilihat daripada keputusan analisis data yang mendapati bahawa tahap kecenderungan min untuk kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam kemahiran berkomunikasi adalah tinggi. Justeru itu, objektif kedua kajian ini iaitu mengukur kefahaman pelajar diplomasi kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam kemahiran berkomunikasi telah dicapai dengan min keseluruhan yang tinggi.

Dapatan ini dapat di sokong dengan kajian yang telah dilakukan oleh Yahya (2004) yang menyatakan bahawa kemahiran *soft skills* yang diperlukan oleh majikan adalah kemahiran komunikasi yang baik. Selain itu, *The Conference Board Of Canada* (1996), juga dapat memberi sokongan terhadap dapatan kajian bahawa satu kajian telah di adakan dan hasil kajian telah menyenaraikan kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan terdiri daripada kebolehan berkomunikasi dengan baik. Sebagai tambahan, Hasliza (2002) menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi ini penting dalam memberi keyakinan kepada bakal majikan terhadap lulusan para graduan. Oleh itu adalah wajar pelajar diploma kejuruteraan di politeknik memahami akan kepentingan kemahiran komunikasi ini bagi melengkapkan diri untuk berhadapan dengan permintaan majikan yang semakin mencabar.

Bahagian ini terdiri daripada 24 item berkenaan dengan aspek-aspek yang terkandung di dalam elemen kemahiran berkomunikasi. Keseluruhan item adalah berada pada tahap kecenderungan yang tinggi. Antara 44 item yang di analisis, item kelima iaitu aspek kebolehan pelajar untuk mewujudkan hubungan baik antara satu sama lain telah mencatatkan skor min tertinggi berbanding item yang lain. Manakala item ke 31 aspek kebolehan pelajar untuk menggunakan kemahiran bukan lisan mencatatkan skor min yang terendah.

Dapatan kajian yang diperoleh telah diramal oleh pengkaji iaitu kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* dalam kemahiran berkomunikasi adalah tinggi. Kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian lepas, yang mana Sharifah Noor Anita (2002) dalam

kajiannya mendapati bahawa penguasaan *soft skills* pelajar diploma kejuruteraan di politeknik adalah pada tahap sederhana. Kajian tersebut telah mengkaji ke atas beberapa aspek kemahiran berkomunikasi namun dapatan kajian keseluruhan kajiannya adalah pada tahap kecenderungan yang sederhana..

Maka dengan itu, pengkaji mengandaikan bahawa dapatan kajian yang bertentangan dengan kajian lepas diperolehi adalah kerana kewujudan Modul *Soft Skills* di politeknik telah meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap kemahiran *soft skills*. Modul *Soft Skills* Latihan Industri politeknik telah dilancarkan pada tahun 2006, sedangkan kajian lepas di lakukan sebelum tahun pelancaran Modul *Soft Skills*. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa pelaksanaan Modul *Soft Skills* di politeknik dapat memberi kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* terutamanya dalam kemahiran berkomunikasi

### **Persoalan Kajian Ketiga**

***Apakah perbezaan kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul Soft Skills antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan?***

Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga di atas, pengkaji berminat untuk melihat perbezaan dari segi pelaksanaan Modul *Soft Skills* sama ada pelajar lelaki atau pelajar perempuan lebih memahami tentang kepentingan *soft skills*. Ini kerana pengkaji beranggapan bahawa kebiasaannya, pelajar lelaki akan bertindak lebih dominan dalam menguasai sesuatu kemahiran berbanding pelajar perempuan. Tambahan pula, di dalam soal selidik penekanan lebih diberikan kepada penglibatan seseorang individu dalam kemahiran kepimpinan, kemahiran bekerja dalam pasukan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran memberi idea baru dan juga kemahiran membuat sesuatu keputusan. Namun, ini tidak bermakna pelajar perempuan tidak ada yang mempunyai kemahiran-kemahiran tersebut tetapi mungkin hanya segelintir sahaja. Justeru itu, persoalan kajian keempat ini dikaji bagi mendapatkan dapatan kajian yang sebenar. Persoalan kajian ini adalah bagi mencapai objektif yang ketiga kajian ini iaitu mencari perbezaan kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Namun, melalui kajian yang dijalankan pengkaji mendapati bahawa secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan kefahaman yang signifikan pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Walau bagaimanapun pengkaji mengambil inisiatif dengan melihat perbezaan ini melalui dua elemen utama Modul *Soft Skills* iaitu membina personaliti individu yang positif dan kemahiran berkomunikasi. Namun, hasilnya pengkaji masih mendapati bahawa tidak ada perbezaan kefahaman yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* bagi kedua-dua elemen.

Dapatan kajian yang diperolehi telah disokong dengan dapatan kajian lepas. Nurul Afizah (2004) dalam kajiannya telah mendapati bahawa tiada perbezaan antara kemahiran insaniah (*soft skills*) dengan jantina. Manakala Nurul Azyra (2005) pula menyatakan dapatan kajiannya bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek kemahiran berkomunikasi dengan jantina. Dapatan kajian tersebut telah bertentangan dengan dapatan kajian persoalan ketiga ini. Pengkaji berpendapat bahawa, dapatan bertentangan ini mungkin di sebabkan kefahaman pelajar tidak kira jantina terhadap kemahiran berkomunikasi telah meningkat dengan pelaksanaan Modul *Soft Skills*, maka dengan itu dapatan kajian ini tidak menunjukkan sebarang perbezaan.

Hasil dapatan kajian telah menyangkal jangkaan dapatan yang pengkaji jangkakan. Justeru itu, Hipotesis *null* ( $H_0$ ) yang menyatakan tidak ada perbezaan yang signifikan bagi

kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan adalah diterima. Manakala hipotesis alternatif ( $H_a$ ) yang menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kefahaman pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan adalah ditolak. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa perbezaan tidak dapat di wujudkan mungkin kerana pelajar politeknik tidak kira pelajar lelaki dengan pelajar perempuan telah meningkatkan soft skills masing-masing bagi memenuhi keperluan sumber tenaga pekerja.

#### **Persoalan kajian ke empat**

##### ***Apakah perbezaan kefahaman pelajar diploma kejuruteraan politeknik terhadap kepentingan Modul Soft Skills antara pelajar semester 3 dengan pelajar semester 5?***

Bagi menjawab persoalan kajian yang keempat di atas, pengkaji berminat untuk melihat perbezaan dari segi pengalaman yang diperolehi oleh pelajar kerana dalam kajian ini terdiri daripada responden pelajar semester 5 yang mana telah menjalani latihan industri selama satu semester berbanding pelajar semester 3 yang baru mengikuti Modul *Soft Skills* di politeknik. Dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa dengan adanya pengalaman menjalani latihan industri, pelajar semester 5 seharusnya mempunyai kefahaman tentang *soft skills* yang lebih tinggi berbanding pelajar semester 3. Oleh itu, persoalan kajian ini di timbulkan bagi pengkaji mengkaji perbezaan kefahaman antara pelajar semester 3 dengan pelajar semester 5 diploma kejuruteraan politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills*. Persoalan kajian ini adalah bersesuaian dengan objektif yang keempat kajian ini iaitu mencari perbezaan kefahaman pelajar diploma kejuruteraan di politeknik terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* antara semester 3 dengan semester 5.

Namun, melalui kajian yang dijalankan pengkaji mendapati bahawa secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan kefahaman yang signifikan pelajar terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* antara pelajar semester 3 dengan semester 5. Walau bagaimanapun pengkaji mengambil inisiatif dengan melihat perbezaan ini melalui dua elemen utama Modul *Soft Skills* iaitu membina personaliti individu yang positif dan kemahiran berkomunikasi. Namun, hasilnya pengkaji masih mendapati bahawa tidak ada perbezaan kefahaman yang signifikan antara pelajar semester 3 dengan semester 5 terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* bagi kedua-dua elemen.

Dapatan kajian yang diperoleh telah disokong dengan dapatan kajian lepas. Nurul Azyra (2005) dalam kajiannya telah mendapati bahawa tiada perbezaan antara status latihan industri dalam *soft skills*. Status latihan industri di dalam kajian tersebut merujuk kepada responden yang telah menjalani latihan industri dikaji bagi melihat kemahiran *soft skills* yang ada pada diri mereka setelah menjalani latihan industri berbanding dengan responden yang belum lagi menjalani latihan industri.

Hasil dapatan kajian telah menyangkal jangkaan dapatan yang pengkaji jangkakan. Justeru itu, hipotesis *null* ( $H_0$ ) yang menyatakan tidak ada perbezaan kefahaman yang signifikan antara pelajar semester 3 dengan semester 5 terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* diterima. Manakala hipotesis alternatif ( $H_a$ ) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara pelajar semester 3 dengan semester 5 terhadap kepentingan Modul *Soft Skills* adalah ditolak. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa perbezaan tidak dapat di wujudkan mungkin kerana pelajar politeknik tidak kira pelajar semester 3 atau pelajar semester 5 telah bersedia untuk berhadapan menyahut cabaran dan saingan untuk menjejaki ke alam pekerjaan dengan mempertingkatkan kefahaman terhadap kepentingan *soft skills*.

## Kesimpulan

Pelaksanaan modul *Soft Skills* di politeknik di lihat dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kepentingan *soft skills* bagi kedua-dua elemen iaitu membina personaliti individu yang positif dan kemahiran berkomunikasi. Keperluan *soft skills* hari ini amat penting dalam memenuhi keperluan kehendak majikan kerana majikan hari ini tidak melihat kemahiran akademik semata-mata tetapi lebih menitik beratkan soal *soft skills*. Justeru itu, pelaksanaan Modul *Soft Skills* di politeknik adalah penting dalam membantu pelajar untuk membentuk kemahiran *soft skills* pada diri pelajar dan secara tidak sedar, pelaksanaan Modul *Soft Skills* ini turut dapat membantu pelajar dalam memenuhi keperluan tenaga sumber manusia yang diperlukan majikan.

Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan juga bahawa tidak terdapat perbezaan kefahaman yang signifikan antara pelajar semester 3 dengan pelajar semester 5 dengan kepentingan Modul *Soft Skills*. Manakala tidak terdapat perbezaan kefahaman yang signifikan antara jantina dengan kepentingan Modul *Soft Skills*. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa dengan pelaksanaan modul *soft skills* di politeknik, pelajar telah mula menyedari hakikat bahawa *soft skills* adalah penting untuk dikuasai tanpa mengira jantina dan mahupun semester.

## Rujukan

- Australian National Training Authority (2003). “*Defining Generic Skills A Glance.*” Adelaide : NCVER Ltd. <http://www.ncver.edu.au/research/proj/nr21226.pdf>
- Berita Harian (2007). “*Pendidikan : BI, ICT jadi komponen penting sertai kerjaya.*” Berita Harian, 12 Februari 2007.
- Clayton, B., Blom, K., Meyers, D. & Bateman, A (2003). “*Assessing and certifying generic skills. What is happening vocational education and training?.*” National Centre for Vocational Education Research (NCVER). South Australia.
- Education Planning and Research Division (2001). “*Educational in Malaysia.*” Kuala Lumpur : Ministry of Education Malaysia.
- Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Putrajaya (2006). “*Modul Pembangunan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.*” Universiti Putra Malaysia.
- Lublin, J. (2000). “*Generic objectives and transferable skills.*” Centre for Teaching and Learning. UCD Dublin.
- Mohd Safarin dan Mohd Zolkifli (2005). “*Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti.*” Kertas Kerja Seminar Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- National Center for Vocational Education Research (2000). “*Generic Skills: Understanding VET Teacher and Student Attitudes.*” Kensington., Australia.
- Nurul Afizah Adnan (2004). “*Profil Kemahiran Generik Pelajar Aliran Teknikal Di Politeknik.*” Kolej Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Nurul Azyra Said (2005). “*Kemahiran Insaniah Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Malaysia.*” Kolej Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Reigelut, (1999). “*What is a Generic Skill*”[www.indiana.edu/~idtheory/methods/m7a.html](http://www.indiana.edu/~idtheory/methods/m7a.html)
- Sharifah Noor Anita Bt Syed Jaafar (2002). “*Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja : Kajian di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan Di Politeknik Port Dickson.*” Kolej Universiti Tun Hussein onn : Tesis Sarjana.

- The Conference Board of Canada (1996). *“Yukon Work Futures : Skills for Today’s Workplace.”* Ottawa Ontario.
- Utusan Malaysia (2006). “Kemahiran berkomunikasi untuk graduan.” Utusan Melayu, 23 September 2006.
- Yahya Buntat (2004). *“Integrasi Kemahiran “Employability” dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian dan Industri di Malaysia.”* Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Phd.
- Yahya Buntat dan Juliana Abdul Rahman (2004). *“Tanggapan Tenaga Pelajar di Institusi Perindustrian (Iip) Pasir Gudang, Terhadap Penerapan kemahiran “Employability” Dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran.”* Kertas Kerja. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Zaid Mustafa  
Nordiana Mohd Nor  
Kahirol Mohd Salleh  
Ahmad Rizal bin Madar  
Badaruddin Ibrahim  
Norlisa Sulaiman  
Abdul Rashid Razzaq

[mzaid@uthm.edu.my](mailto:mzaid@uthm.edu.my) ( 07-4538098) ,  
[kahirol@uthm.edu.my](mailto:kahirol@uthm.edu.my), [badar@uthm.edu.my](mailto:badar@uthm.edu.my)

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ( UTHM )  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta’zim